

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepe.com](http://www.ijepe.com)



**PENGETAHUAN BERKAITAN HAID DAN ISTIHADHAH DI  
KALANGAN GURU ISLAM DI SEKOLAH KEBANGSAAN  
AGAMA TERPILIH DI SARAWAK**

*KNOWLEDGE ON MENSTRUAL AND ISTIHADHAH AMONG ISLAMIC  
TEACHERS FROM SELECTED ISLAMIC SCHOOL IN SARAWAK*

Siti Asmah Khalid<sup>1\*</sup>, Abdul Razak Abdul Kadir<sup>2</sup>, Nurul Azhar Ahmad<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UITM), Malaysia

Email: sitiasmah7790@gmail.com

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UITM), Malaysia

Email: abdurak1@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UITM), Malaysia

Email: syeikhsarawak1704@gmail.com

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 28.04.2022

Revised date: 15.05.2022

Accepted date: 16.06.2022

Published date: 28.06.2022

**To cite this document:**

Khalid, S. A., Kadir, A. R. A., & Ahmad, N. A. (2022). Pengetahuan Berkaitan Haid dan Istihadhah di Kalangan Guru Islam di Sekolah Kebangsaan Agama Terpilih di Sarawak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 452-478.

DOI: 10.35631/IJEPC.746035

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Kajian berkaitan darah haid dan istihadhah adalah perbincangan yang paling sukar dan sering dipersoalkan oleh kaum wanita. Sehingga kini, ramai yang keliru dalam memahaminya. Walaupun isu ini seringkali dibentangkan dalam pelbagai simposium, bengkel dan ceramah namun masih ramai dalam kalangan muslimah yang kurang memahami kaedah dan cara mengenalpasti perbezaan daripadanya. Sekiranya permasalahan ini tidak diselesaikan maka mendorong kepada kekeliruan terus berpanjangan. Kajian ini dijalankan dalam kalangan Guru Islam (GI) di SK(A) Datuk Hj Abdul Kadir Hassan, Kuching Sarawak. Tenaga pengajar telah dipilih sebagai responden. Objektif kajian adalah untuk i) mengenalpasti secara terperinci tahap pengetahuan dalam pendidikan haid dan istihadhah menurut Mazhab Syafie, ii) mengkaji perbezaan haid dan istihadhah melalui sifat, warna dan tempoh keluar haid, tempoh antara dua haid dan tempoh suci. iii) mengenalpasti keyakinan terhadap ibadah Guru Islam di sekolah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan rekabentuk kaedah kuantitatif. Alat yang digunakan untuk memperolehi data ialah secara soal selidik. Bagi metod pengumpulan data kajian pustaka penulis menggunakan kitab-kitab turath yang muktabar dan dikukuhkan dengan jurnal penyelidikan dan kajian lepas. Bagi tujuan penganalisaan data penulis menggunakan aplikasi SPSS. Dapatan kajian memenuhi ketiga tiga objektif yang telah digariskan dalam kajian. Rumusan kajian tahap pengetahuan dalam pendidikan haid dan istihadhah menurut Mazhab Syafie bagi Guru Islam di

sekolah mencapai tahap cemerlang. Mereka dapat mengenal perbezaan haid dan istihadhah melalui sifat, warna dan tempoh keluar haid, tempoh antara dua haid dan tempoh suci dan persepsi kepada keyakinan ibadah guru sangat tinggi. Cadangan penambahbaikan telah dinyatakan dalam kajian ini untuk membantu Guru Islam meningkatkan pemahaman dalam tajuk ini. Kajian menunjukkan bahawa pendidikan haid dan istihadhah terutama kepada guru pendidikan Islam kursusnya dan Guru Islam amnya amat penting kerana mereka sebagai agen dalam memberikan kefahaman kepada murid dan masyarakat. Pihak berkaitan juga perlu menyediakan satu kurikulum kursus secara mendalam dan seharusnya didedahkan di peringkat seawal sekolah rendah lagi.

**Kata Kunci:**

Haid, Istihadhah, Guru Islam, Sekolah, Pendidikan dan Pengetahuan

**Abstract:**

Studies related to menstrual blood and istihadhah are the most difficult and often questioned debates by women. To date, many are confused in understanding it. Although this issue is often presented in various symposia, workshops and talks, there are still many Muslim women who do not understand the methods and ways to identify differences in terms of features, colors, time periods and various issues related to it. If this problem is not resolved then it leads to prolonged confusion. This study was conducted among Islamic Teachers (GI) in SK (A) Datuk Hj Abdul Kadir Hassan, Kuching Sarawak. Instructors were selected as respondents. The objective of the study is to **i)** identify in detail the level of knowledge in menstruation and istihadhah education according to Mazhab Syafie, **ii)** study the differences between menstruation and istihadhah through the nature, color and duration of menstruation, the period between two menstruations. And the sacred period. **iii)** identify confidence in the worship of Islamic teachers in schools. This study was conducted using a quantitative method design. The tool used to obtain the data was a questionnaire. For the data collection method, the authors used Turath books which are authoritative and reinforced with previous research journals and studies. For the purpose of data analysis, the authors used SPSS application. Has been outlined in the study. Summary of the study of the level of menstruation and istihadhah education according to Mazhab Syafie for Islamic teachers in schools to achieve an excellent level. They can recognize the difference between menstruation and istihadhah through nature, color. And the menstrual period, the period between two menstrual periods and the sacred time and the perception to the teacher of 'aqidah ibadah is very high. Suggestions for improvement have been stated in this study to help Muslim Teachers improve their understanding in this topic. Studies show that menstrual education and istihadhah especially to Islamic education teachers of the course and Islamic teachers in general are very important because they are agents in providing understanding to students and society.

**Keywords:**

Menstruation, Istihadhah, Islamic Teachers, Schools, Education and Knowledge

**Pendahuluan**

Pendidikan Haid dan Istihadhah merupakan tajuk yang sangat dekat dengan kaum wanita. Ibnu Nujaim Hanafi menyatakan bahawa "Ketidaktahuan seseorang mengenai masalah haid jauh lebih berbahaya daripada ketidaktahuan seseorang tentang masalah selainnya (Hajar Huwaida,

2010) Era modernisasi hari ini memperlihatkan banyak kekeliruan wanita, kurangnya kefahaman dan amalan yang menepati syariat berkaitan pengurusan fiqh darah menurut perspektif Islam dalam kehidupan seharian mereka (Noraini Ismail, Siti Fatimah Sudin, Bakri, Islam, & Kontemporari, 2016) Era modernisasi ini semakin ramai yang meringankannya. Meringankan di sini bermaksud mereka hanya menjangka tarikh semata mata tanpa melihat kesahihan sifat, warna dan ciri darah itu adalah haid atau istihadhah pada hal perkara tersebut kadang-kadang sebaliknya.(Ibrahim, 2016).Kenyataan ini juga turut dikukuhkan oleh Abu Usamah Hanafiah Hussein (2019) yang menyatakan permasalahan ini diabaikan oleh umat islam terutama kaum wanita .(Md. Reshad & Ismail, 2020).Selain itu, terdapat banyak kajian berkaitan fiqh bagi memudahkan masyarakat khususnya kaum mengklasifikasikan atau mengenal pasti pendarahan sama ada haid, nifas atau istihadah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberi sedikit sebanyak motivasi kepada Guru Islam untuk cenderung mengenalpasti kaedah penentuan jenis darah secara mendalam

### **Penyataan Masalah**

Masalah ketidakaturan haid bagi wanita berlaku mengakibatkan masalah darah istihadhah. Sebenarnya isu ini juga perlu difahami oleh golongan lelaki kerana mereka juga berperanan sebagai suami, bapa, wali, guru, ustaz, abang dan juga adik kepada seorang insan bernama wanita bukan tertumpu kepada kaum wanita sahaja. Sejujurnya walau siapapun diri anda, anda perlu menangani masalah ini secara bersama. kepada anak. Ketua keluarga berkewajiban untuk membawa keluarganya menuju jalan kebenaran. Allah menyatakan dalam al- Qur'an tentang kewajiban dan tanggung jawab keluarga yang diamanahkan menjaga keturunannya dari api neraka. Pesanan tersebut wajib dilakukan oleh setiap ibubapa sebagaimana dinyatakan dalam surat At-Tahrim ayat 6 seperti ditekankan dalam kajian King Cahaya Islam, (2020) Namun terdapat juga pihak suami segan menyuruh isterinya belajar kerana mereka beranggapan bahawa masyarakat akan mengetahui masalah dalaman rumah tangga mereka .Sebenarnya tajuk ini sangat banyak kekeliruaan bukan kepada murid sahaja namun didapati berlaku kesilapan kefahaman dalam kalangan Guru Islam.Kelemahan didapati daripada aspek kurang kefahaman dalam kenal tempoh,ciri,sifat,warna haid dan istihadah,tempoh antara dua haid,tempoh antara dua suci dan sebagainya.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mencapai tujuan berikut :

- i Mengenalpasti pengetahuan ilmu haid istihadhah menurut Mazhab Syafie dan hukum syara'
- ii Mengenalpasti tahap pengetahuan dalam ilmu haid dan istihadhah dalam kalangan Guru Islam di sekolah dan
- iii Mengkaji persepsi keyakinan ibadah Guru Islam SK(A) Datuk Hj Abdul Kadir Hasan Kuching Sarawak.

### **Kepentingan /Objektif Kajian**

Penelitian ini penting dilakukan untuk mencapai tujuan yang telah ditetapkan, khususnya dalam menentukan pengetahuan Guru Islam tentang kajian haid dan istihadhah. Melalui penelitian ini, penulis dapat memahami latar belakang pendidikan responden dan hubungannya dengan taraf pengetahuan Guru berkaitan haid dan istihadhah. Penulis juga dapat mengetahui pemahaman guru daripada segi cara pengiraan masa suci dan masa haid yang merupakan faktor penting dalam membezakan darah haid dengan istihadhah. Selain itu, penulis dapat melihat persepsi tentang keyakinan mereka dalam beribadah. Hasil penelitian ini juga dapat membantu penulisan untuk menghasilkan tujuan baru dalam mengatasi masalah haid dan istihadhah.

Penelitian ini hanya berfokus pada masalah haid dan istihadhah serta pengetahuan dan kefahaman para Guru Islam terhadap kedua masalah tersebut. Pandangan mengenai masalah haid dan istihadhah juga hanya akan terfokus pada pandangan Mazhab Syafie dan Ahli Sunnah Wal Jama'ah sebagai mazhab yang menjadi pegangan rasmi umat Islam di Malaysia. Hal ini untuk memudahkan kajian, karena prinsip pemahaman fiqh bagi umat Islam di Malaysia didasarkan pada Mazhab Syafie yang telah diterapkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Responden penelitian ini adalah 31 Guru Islam yang dipilih secara rawak dari berbagai panitia di sekolah SK(A) Datuk Haji Abdul Kadir Hassan Kuching Sarawak sahaja.

### Tinjauan Literatur

Allah SWT berfirman dalam QS. Al-Baqarah (2): 222 yang berbunyi:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَدَىٰ فَأَعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya:

*Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Maka nyatakanlah : "Haid itu adalah kotoran". Oleh itu seharusnya kamu menjauhkan diri daripada wanita ketika mereka dalam haid; dan janganlah kamu mendekati mereka, sehingga mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka campurilah mereka itu sebagaimana yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah suka kepada mereka yang bertaubat dan mereka yang menyucikan diri.* (Surah Al-Baqarah 2: 222).

Wahbah Zuhaili & Abdul Hayyie Al Kattani, (2018) menjelaskan sebab turunnya ayat di atas turut dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan dari Anas bin Malik , dalam hadis tersebut diceritakan bahawa apabila seorang wanita Yahudi sedang haid masakannya tidak akan dimakan oleh para ahli keluarga dan wanita tersebut tidak dibenarkan berkumpul bersama. Salah seorang sahabat telah menanyakan hal itu kepada Rasulullah SAW, kemudian turunlah ayat di atas bagi menjawab persoalan tentang wanita haid tersebut. Penerangan Rasulullah SAW kepada ayat tersebut adalah lakukan apa saja melainkan jimak. Rasulullah SAW bersabda

اصنعوا كل شئ الا جماع

*Maksudnya : Lakukanlah semua perkara kecuali jimak* (HR. Muslim, Abu Dawud, at-Tirmizi, an-Nasa'i ).

Rasulullah SAW bersabda

هذا شئ كتبه الله على بنات ادم وقال بعضهم : كان اول ما ارسل الحيض على بني اسرائيل . وحديث النبي واكثر

*Maksudnya: Ini adalah sesuatu yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT kepada segala anak Adam yang perempuan. Riwayat yang lain berkata sesungguhnya orang pertama yang diturunkan haid adalah kepada kaum wanita yahudi dirakamkan dalam Sahih Bukhari Hadis 1, Kitab Haid. Selain itu Kajian Literatur terkini seperti rajah di bawah :*

Bil	Penulis	Tahun	Tajuk Kajian	Metodologi	Ulasan Tentang Kajian
1	(Siti Fajorah, 2015)	2015	Studi Analisis Pemahaman Materi Haid dan Istihadhah Pada Siswi Kelas VIII MTS Al-Hadi GiriKusuma Kecamatan Mranggen Kabupaten Demak MTS Demak Tajuk Ajaran 2014/2015	Sedangkan metod pengumpulan data menggunakan metod pemerhatian , ujian tertulis dan wawancara.	Permasalahan tersebut dibahas melalui penelitian pemerhatian lapangan yang dilaksanakan di kelas VIII MTs Al-Hadi Girikusuma Mranggen Demak, dengan responden sebanyak 10 siswi.
2	(Noraini Ismail et al., 2016)	2016	Kefahaman Pelajar Terhadap Fiqh Thaharah (Permasalahan Darah Wanita): Tinjauan Di UiTM Cawangan Perlis	50 siswi telah dipilih secara rawak sebagai responden. Satu set soal selidik telah dikemukakan	Disarankan mengaplikasikan ilmu darah wanita dalam bidang pendidikan Islam di peringkat sekolah hingga universiti.
3	(Nur Asmadayana Hasim, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Rizafizah Othman, Moohd Zaini Yahya, 2016)	2016	Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Syariah	Penelitian ini dilakukan dengan menggunakan tinjauan pustaka secara dekriptif..	Mengkaji dan mengaitkan kebaikan haid dari sudut sains dan maqasid syariah..Kajian mendapati bahawa perubahan warna darah dan sfiziokimia lain memberi kesan terhadap kenormalan kitaran haid.
4	(Tawang, Ibrahim, Daud, 2016)	2016	Amalan Pengurusan Bersuci Darah-Darah Wanita	Artikel ini merujuk kepada penulisan para sarjana dalam	Kajian ini bertujuan untuk menganalisis amalan pengurusan bersuci darah-darah faktor serta menjela

			Menurut Perspektif Islam	bidang fiqh Islam silam dan kontemporari yang berlandas dalil-dalil syar'i bersumberkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah	pandangan ulama muktabar terhadap konsep berkaitan darah-darah faktor tersebut menurut perspektif Islam.
5	(Khairul Muttaqin, 2019)	2019	Haid dalam Perspektif Islam dan Sains Studi tentang Haid Tidak Teratur Pengguna Kontrasepsi	Dengan kajian pustaka,	Kajian Analisis Masa Haid Tidak Teratur Akibat Penggunaan Alat Penanggungan Kehamilan Berdasarkan Teks Asas Islam Dan Perubahan.
	Siti Fatimah Salleh, Zurita Mohd Yusuf & Ali, 2020)(Siti Fatimah Salleh, Zurita Mohd usuf & Ali, 2020)	2020	Analisis Pendidikan Darah Wanita Dalam Kurikulum Rendah Dan Menengah Di Malaysia	menggunakan kaedah kepustakaan	Mengkaji berkaitan analisis darah dalam kurikulum rendah dan menengah di Malaysia menunjukkan bahawa perlu ditambahbaik kurikulum
7	(Arif, 2021)	2021	Haid Dan Istihadah Menurut Mazhab Syafie : Kefahamannya Di Kalangan Pelajar Darul Quran Wal Hadith As Sofa Ampang	Menggunakan kaedah kuantitatif Menjawab Soal selidik kepada responden.	Tumpuan kajian ini juga adalah untuk melihat tahap pengetahuan pelajar terhadap haid dan jenis-jenis istihadah serta perkara-perkara yang dilarang ketika haid dan istihadah. Sejumlah 50 orang pelajar telah dipilih secara rawak sebagai responden.



8	(Mustafida & Hosna, 2021)	2021	Pengaruh Internalisasi Nilai Keagamaan Pada Kitab Risalah Al-Mahid Terhadap Pemahaman Fiqih Wanita Santri Putri Pondok Pesantren Fathul Ulum Jombang	Menggunakan kaedah kuantitatif dengan pendekatan ex post faktor. Teknik pengumpulan data menggunakan angket dan tes	Subjek penelitian ini berjumlah 60 santri. terdapat pengaruh antarabangsa pada pembelajaran kitab risalah al-mahid terhadap pemahaman fiqh wanita pelajar puteri di Pondok Pesantren Fathul „Ulum Jombang.
---	---------------------------	------	--	---	--

Sumber Penulis: Rajah 1 1 : Rajah Kajian Literatur terkini 2016 -2021

### Definisi Pendidikan dan Pengetahuan

Rasulullah SAW sebagai model yang terbaik dalam dunia pendidikan. Model pengajaran Rasulullah s.a.w. mengambil perhatian terhadap aspek sukatan pelajaran dan langkah- langkah pengajaran. Baginda merupakan seorang guru yang mampu mendidik, menasihati dan sekaligus merupakan seorang pendakwah yang berjiwa mulia dan tidak pernah kenal erti penat lelah dalam memberi pendidikan yang terbaik kepada isteri-isterinya, para sahabat. Sifat dan keperibadian baginda yang unggul mampu menjadikan baginda sebagai idola, pemimpin serta guru dalam semua perkara bagi masyarakat Arab pada ketika itu Wan Hasan, (2015). Pendidikan adalah tunjang utama dan keperluan dalam sesebuah negara untuk membentuk sebuah masyarakat yang berilmu pengetahuan. Sejajar itu, pihak kerajaan telah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan dasar pendidikan terlaksana dan seragam di seluruh negeri di Malaysia. Nazirah Hamdan, (2017). Ini selaras dengan falsafah Pendidikan Islam iaitu: "*Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat*" (KPM, 2012a). Ulfa (2020) menjelaskan bahawa pendidikan dan pengenalan terhadap al-quran merupakan pendidikan dasar yang penting untuk diajarkan oleh orang tua kepada anak sejak kecil adalah membaca al-quran. Sistem pendidikan di Malaysia bertanggungjawab sebagai institusi kursus dalam menghasilkan pelajar yang seimbang, emosi, rohani, intelektual dan sosial yang seimbang untuk mengambil inisiatif untuk bersama-sama memberikan pemahaman yang jelas kepada wanita Islam, kursusnya kepada pengetahuan tentang haid dan lebih jelas. Di peringkat sekolah, pihak yang bertanggungjawab tidak sepatutnya diabaikan dalam mendedahkan tajuk ini kepada tenaga pengajar melalui pelbagai latihan yang ditawarkan walaupun tidak ada kursus khas yang berkaitan dengan para wanita di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.

### Definisi Haid

Definisi haid daripada sudut bahasa telah disebut dalam banyak kitab kitab turath seperti Lisanul Arab diambil daripada kata kerja *حاض يحوض* yang artinya mengalir. Selain itu Muhammad Khatib Asy-Syarbaini (2015) dalam Kitab Mughni Muhtaj menjelaskan

لغة - حاضت الشجرة اذا سال صمغها :وحاض الوادي اذا سال

وشرعا دم الجبلة أي تقتضيه الطباع السليمة - يخرج من أقصى رحم المرأة بعد بلوغها على سبيل الصحة من غير سبب في أوقات معلومة

Manakala daripada sudut istilah ialah ulama' fiqh mentakrifkan haid darah yang keluar dari rahim wanita dalam keadaan sihat dan normal, bukan kerana melahirkan, dengan kadar tertentu dan di waktu tertentu. Haid juga ditakrifkan dalam Kitab Matan Abu Sujak kepada 3 macam darah yang keluar dari kemaluan wanita: (a) darah haid (b) darah nifas (c) darah istihadlah. Maka takrif daripada kitab ini menyatakan

فَالْحَيْضُ هُوَ الدَّمُ الْخَارِجُ مِنْ فَرْجِ الْمَرْأَةِ عَلَى سَبِيلِ الصِّحَّةِ مِنْ غَيْرِ سَبَبٍ الْوَالِدَةِ وَلَوْ نُهُ أَسْوَدٌ مُحْتَدِّمٌ لَدَاغٍ،

Darah haid adalah darah yang keluar dari kemaluan perempuan dengan cara sihat bukan kerana melahirkan. Dan warnanya kehitam-hitaman, terasa panas dan diikuti mual-mual pada perut. Menurut Anisah Abdul Ghani, (2014) menyatakan dalam penulisannya pelbagai pandangan dalam pentafsiran masing-masing Oleh itu, penulis membuat satu kesimpulan berkaitan pengertian haid menurut istilah seperti yang berikut :

Mazhab Hanafi menyatakan haid adalah darah yang keluar dari rahim wanita yang sihat daripada penyakit dan bukan semasa kecil. Dikukuhkan lagi oleh pandangan Ibnu Hummam dari Mazhab Hanafi menyebut sebagai darah yang keluar dan mengalir daripada rahim wanita yang tidak sakit dan dia telah dewasa. Asy Syarbaini dari Mazhab Syafie menyatakan bahawa haid sebagai darah keluar dari rahim wanita dalam keadaan sihat dan bukan kerana melahirkan. Mazhab Maliki pula menyatakan haid adalah darah kekuningan atau pekat keluar sendiri daripada qubul (faraj) wanita pada umur kebiasaan boleh melahirkan. Jawapan Maliki dikukuhkan dengan pandangan Ibnu Jauzi bahawa darah yang keluar dari rahim wanita yang secara kebiasaan mereka boleh hamil dan tidak dalam keadaan melahirkan atau sakit.

Mazhab Hanbali pula menjela SK(A) Datuk Hj Abdul Kadir Hasan bahawa darah tabie yang keluar daripada dari dasar rahim wanita yang sihat, bukan disebabkan melahirkan anak. Kebiasaannya keluar pada masa tertentu. Al-Bahuty dari Mazhab Hanbali menambah bahawa haid adalah darah kebiasaan dan alami, yang keluar dari rahim wanita pada waktu tertentu. Berdasarkan kepada takrif di atas terdapat tiga perkara yang dapat diberi perhatian iaitu: **i** Darah tabiee yang yang dialami oleh semua wanita yang sihat, bukan pada waktu sakit dan lain-lain. **ii**. Bawah saluran kencing iaitu tempat keluarnya anak, keluar mani dan tempat masuk kemaluan lelaki, bukan sebaliknya seperti darah istihadhah yang keluar daripada urat atas rahim yang disebut al-'azil. **iii**. Waktu sihat pula ialah dalam tempoh haid yang tertentu sekurang-kurangnya minimum haid sehari semalam ( 24 jam) dan maksimum haid 15 hari 15 malam dan kebiasaan haid adalah 6 atau 7 hari menurut pandangan Mazhab Syafie. Manakala Hanafi berpendapat sebanyak 13 hari 13 malam. Penjelasan dalam Kitab Mughni Muhtaj (2015) mengatakan usia minimum wanita haid adalah 9 (sembilan) tahun.



### **Definisi Istihadahah**

Kitab Matan Abu Sujak menyebut daripada sudut istilah istihadhah ialah

وَالْإِسْتِحَاذَةُ هُوَ الدَّمُ الْخَارِجُ فِي غَيْرِ أَيَّامِ الْحَيْضِ وَالنِّقَاسِ

Maksudnya: Istihadhah adalah darah yang keluar di selain hari-hari haid dan nifas. Kajian lepas juga menjela SK(A) Datuk Hj Abdul Kadir Hasan menyebut pengertian istihadhah ialah darah yang mengalir bukan pada waktu yang biasa disebabkan sakit di bahagian pangkal rahim (Al-Zuhaili, 1997). Darah istihadhah adalah hadas yang tidak menghalang seseorang wanita menunaikan ibadah seperti puasa, solat dan lain-lain. Darah ini keluar daripada faraj wanita bukan pada hari haid dan nifas. Wanita haid terbahagi kepada tiga kategori yang mana mereka tidak terlepas dari termasuk dalam tiga kategori ini iaitu : (Mahadi, Yusof, & Chik, 2018).

- i. Mu'tadaah (مبتدأة): Wanita yang baru pertama kali kedatangan haid dan nifas
- ii. Mu'tadah (معتادة): Wanita yang pernah didatangi haid dan suci sebelum haid yang terkini, mengetahui kadar haid dan masanya.
- iii. Mutahairah (متحيرة) Wanita yang terlupa kebiasaan darah haid, lupa bilangan hari atau mula kedatangan haid,

Ulama Syafie menyebut definisi kategori ini sebagai istihadhah yang tidak dapat membezakan antara istihadhah dan haid serta lupa kebiasaan darah yang berlaku kepadanya. Khalid, S.A. (2019) dalam penulisannya menyatakan wanita yang mengalami istihadhah boleh dikategorikan sebagai wanita yang uzur namun dianggap suci daripada hadas besar. Dengan kata lain mereka hanya mengalami hadas kecil sahaja. Dalam pada itu mereka boleh melaksanakan semua yang dilakukan oleh wanita suci .

#### ***Hukum Wanita Istihadhah seperti berikut:***

1. Tidak wajib mandi jika hendak solat. Hanya mandi hadas besar apabila selesai haid. Hal ini telah disepakati oleh para ulamak (Siti Fajorah, 2015)
2. Dia hanya perlu berwuduk sahaja menurut hadis Bukhari "Berwuduk setiap kali hendak melaksanakan solat". Namun Imam Malik tidak mewajibkan wuduk setiap kali hendak solat. Itu hanyalah sunnah sahaja.
3. Menyumbat kapas untuk supaya tidak keluar najis ataupun mengurangi najis.
4. Hendaklah berwuduk apabila telah masuk waktu. Pandangan jumhur ulamak.
5. Boleh jimak bersama pasangan Para jumhur ulamak mengatakan tidak ada satu pun dalil yang mengharamkan kerana mengambil pandangan jika solat diharuskan maka jimak juga dibenarkan
6. Boleh melaksanakan solat, puasa, tawaf, membaca al-Quran, duduk di dalam masjid dan semua ibadah yang dilaksanakan oleh orang yang suci.

### **Definisi Guru Islam**

Kajian ini dijalankan dalam kalangan Guru Islam di SK(A) Datuk Haji Abdul Kadir Hassan, Kuching Sarawak. Guru ini telah dipilih secara rawak sebagai responden seramai 31 orang sahaja yang mempunyai pelbagai latar belakang pengajian .

### **Metodologi Kajian**

Berdasarkan tujuan kajian membincangkan mengenai reka bentuk kajian, responden kajian, alat kajian, tatacara pengumpulan data dan tatacara penganalisan data. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif . Walau bagaimanapun limitasi kajian ini melibatkan Guru

Islam di SK (A) Datuk Haji Abdul Kadir Hasaan Kuching sahaja. Seramai 31 orang yang terdiri daripada Guru Islam dalam pelbagai panitia di sekolah tersebut telah dipilih untuk menjawab borang soal selidik dan kaedah persampelan Jangkamasa kajian ini adalah selama 2 bulan sahaja. Adaptasi soalan kajian pula berkisar kepada haid dan istihadhah seperti yang didalam rajah di bawah nanti. Sebelum soalan kajian diberikan kepada responden, soalan kajian telah diteliti oleh pakar rujuk yang bertaualiah. Selain itu ujian rintis dilaksanakan sebelum kajian lapangan sebenar dilaksanakan. Ia adalah instrumen kajian. Reka bentuk dan metodologi kajian adalah populasi dan sampel yang digunakan. Populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan. Tambahan lagi, penetapan populasi kajian sangat penting disebabkan populasi akan menetapkan bagaimana dan berapa ramai sampel yang perlu dipilih serta perbelanjaan dalam kajian ini. Bagi tujuan mengumpul data dan mendapatkan maklumat yang tepat, kajian ini menggunakan kaedah seperti soal selidik, pemerhatian dan perpustakaan merupakan tiga cara pengumpulan data yang akan dilaksanakan dalam kajian ini bagi menjawab objektif, persoalan kajian dan hipotesis yang telah ditetapkan. Penganalisan Data yang diperolehi diproses dengan menggunakan program Statistic Package for Sosial Science (SPSS). Untuk metod penyelidikan, penulis merumu SK(A) Datuk HJ Abdul Kadir Hasan pertanyaan-pertanyaan secara sistematik dan diberikan kepada responden. Penelitian ini melibatkan data primer dan data sekunder. Prosedur dan proses kajian melalui kajian sekunder dan pemerhatian Dalam soal selidik telah dikela SK(A) Datuk Hj Abdul Kadir Hasan mengikut bahagian -bahagian di dlm rajah di bawah.:

### ***Bahagian A meliputi Latar Belakang Responden***

Bahagian B (I) berkaitan Pengetahuan Berkaitan Haid Dan Istihadhah,

Bahagian B (II) Perkara Yang Boleh Dilakukan Semasa Haid,

Bahagian B (III) Perkara Yang Boleh Dilakukan Semasa Istihadhah

Bahagian B (IV) Pengiraan Tempoh Suci Dan Tempoh Haid

Bahagian B (V) Pengiraan Tempoh Istihadhah

Bahagian C Keyakinan Kepada Ibadah

Bahagian D Pandangan Umum Guru Terhadap Pendedahan Berkaitan Haid Dan Istihadhah Di Sekolah Rendah

Skala Jawapan Soal Selidik ialah 1 2 3 bermakna Ya, Tidak , dan TidakTahu.

Sumber Penulis :( Jadua1 1 Senarai Soal Selidik Yang Digunakan Dalam Kajian)

### ***Prosedur Dan Proses Melaksanakan Kajian***


- 1.Mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak universiti untuk menjalankan penyelidikan
- 2.Menjalankan perbincangan dengan pihak sekolah untuk membenarkan dan menjalankan penyelidikan di kawasan sekolah.
- 3.Menghasilkan borang soal selidik bagi tujuan pengumpulan data .
- 4.Memohon penyelia menilai borang soal selidik yang dihasilkan .
- 5.Borang soal selidik disemak oleh pakar.
- 6..Mengedarkan borang kepada responden untuk dilengkapkan.
7. Mengumpul data untuk dianalisa oleh pengkaji
8. Memproses data dengan menggunakan aplikasi SPSS 15(Statistical Package for the Social Sciences) dan menganalisis data.
9. Merumus hasil pengumpulan dat dan membuat laporan dan graf yang bersesuaian.

## 10.Membuat kesimpulan daripada dapatan kajian

Sumber Penulis : Jadual 1.2 Prosedur Dan Proses Melaksanakan Kajian

### Dapatan Kajian Dan Perbincangan


#### *Bahagian B(i) Analisa Pengetahuan Terhadap Haid Dan Istihadhah Bagi Guru Islam.*



**Rajah 1.1 Analisa Pengetahuan Terhadap Haid Dan Istihadhah Bagi Guru Islam.**


Bahagian B (i) ini menunjukkan tentang pengukuran kepada tahap pengetahuan Guru Islam sekaligus mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian berkaitan haid dan istihadhah .Persoalan kajian:Sejauhmanakah pemahaman mengenai isu haid dan istihadhah dalam kalangan Guru Islam dalam kategori yang paling cemerlang.Daripada 9 item di atas menunjukkan konstruk pengetahuan seterusnya mengukur sumber yang menyumbang dalam memberi maklumat kepada guru tentang haid dan istihadhah di SK(A) Datuk Hj Abdul Kadir Hasan diletakkan pada skala yang cemerlang didahului dengan ilmu yang diperolehi melalui isu semasa yang berlaku setiap hari (90.3%), bahan bercetak (87.1%), buku/modul rujukan (80.6%), laman web (71%) melalui kursus yang diperolehi anjuran institusi luar sebanyak (67.7%). Tajuk haid dan istihadhah dicadangkan berada dalam sukatan pelajaran dengan mewakili peratusan tertinggi iaitu (96.8 %). Ini menunjukkan bahawa, kekurangan program dan mata pelajaran yang berkaitan dengan haid dan istihadhah sehinggakan peratusan untuk topik ini dimasukkan.

Berdasarkan hasil penelitian dan hasil analisis mengenai tahap pemahaman haid dan istihadhah dalam kalangan Guru Islam di SK(A) Datuk Haji Abdul Kadir Hasan dengan perumusan masalah yang ada iaitu pemahaman haid dan istihadhah berada pada tahap yang cukup baik dan cemerlang. menurut pandangan Mazhab Syafie memandangkan di Malaysia umat Islam menggunakan pandangan Mazhab Syafie dan pendapat Ahli Sunnah Wal Jamaah.

**Bahagian B(ii) Analisa Perkara Yang Boleh Dilakukan Semasa Haid**

Sumber Penulis (Rajah 1.2 :Perkara Yang Boleh Dilakukan Ketika Haid)

Daripada maklumat di atas graf ini menunjukkan Guru Islam tersebut memang faham bahawa bagi soalan wanita haid tidak boleh melakukan jimak dengan pasangan, tidak boleh berpuasa, tidak boleh menunaikan solat, tidak boleh tawaf, menunjukkan mereka faham bahawa ketika haid semua perkara ini tidak boleh dilakukan dengan mewakili 100%. Kedudukan pada SK(A) Datuk Hj Abdul Kadir Hassan skala cemerlang yang melebihi empat item daripada responden. Namun begitu perkara yang berkaitan dengan haji dan umrah menunjukkan kekeliruan. Dapatkan kajian menunjukkan masih ada di kalangan guru yang menjawab tidak boleh berniat umrah dan haji 58.1% (18 orang), saie 64.5% (20 orang), wukuf di Arafah 61.3% (19 orang) melontar jamrah pada hari tasyrik 58.1% (18 orang) dan memotong kuku dan rambut pada waktu haid 29% (9 orang). manakala peratus yang menjawab tidak tahu bagi soalan empat item iaitu berniat umrah dan haji, saie, memotong kuku dan rambut dan wukuf Arafah 61.3%. Kesimpulan di sini mereka masih belum faham tajuk yang berkaitan dengan wanita haid ketika haji dan umrah.

**Bahagian B (iii) Analisa Perkara Yang Boleh Dilakukan Semasa Istihadhah.**

Sumber Penulis: (Rajah 1.3: Perkara Yang Boleh Dilakukan Ketika Istihadhah)


Secara keseluruhannya daripada 10 item berkaitan perkara yang boleh dilakukan ketika istihadhah menunjukkan peratusan yang agak cemerlang. Namun begitu terdapat item bagi

persoalan jimak dengan pasangan sebanyak 51.6 % mewakili seramai 16 orang yang menyatakan tidak boleh jimak dengan pasangan Ketika dalam berkeadaan istihadhah. Perlu ditekankan disini bahawa seorang wanita dalam istihadhah adalah dikategorikan sebagai wanita suci. Bilangan seramai 16 orang ini agak besar jika dikira peratusannya. Selain itu bagi soalan tawaf mewakili 9.7% seramai 3 orang. Ini menunjukkan responden masih kurang maklum dan faham berkaitan apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan ketika tawaf bagi wanita istihadhah.

#### ***Bahagian B (iv) Pengiraan Tempoh Suci dan Tempoh Haid***

Bahagian pengiraan tempoh suci dan tempoh haid kajian mendapati, 100% responden yang menjawab ya dengan item-item yang ditanya berkaitan pengiraan tempoh kebiasaan haid, mengenalpasti tempoh minimum dan tempoh maksimum haid. Ini menunjukkan bahawa kesemua responden seramai 31 orang telah jelas bagi tiga item ini. Maka penulis tidak menunjukkan graf bagi bahagian ini.

#### ***Bahagian B (v): Bagi Pengiraan Tempoh Istihadhah***




Sumber Penulis: (Rajah 1 4 Pengiraan Tempoh Istihadhah)

#### ***Bahagian B(v) Pengiraan Tempoh Istihadhah***

Daripada pemerhatian graf di atas kita boleh membuat kesimpulan bagi bahagian persepsi tempoh pengiraan istihadhah ini adalah seperti berikut iaitu setiap item menyumbang sama rata di antara satu sama lain. Ini membuktikan bahawa tajuk istihadhah ini perlu ditekankan lebih lagi kerana kurangnya kefahaman responden dalam tajuk ini berbanding tajuk haid. Ini mungkin disebabkan orang awam menganggap istihadhah sama seperti haid sedangkan haid adalah hadas besar manakala istihadhah adalah wanita itu dalam keadaan suci.

### ***Bahagian C Keyakinan Ibadah Guru Islam***



Sumber Penulis: (Rajah 1 5: Keyakinan Ibadah Guru Islam)

Daripada bahagian ini menunjukkan 10 item soalan menggambarkan peratusan yang berbeza-beza. Bagi responden yang menjawab berkaitan membaca quran, solat, wukuf di Arafah mewakili 93.5% Peratus yang sangat cemerlang. Namun Bagi item melontar jamrah pada hari ke 11, 12 dan 13 di Mina masih ada dalam kalangan responden yang tidak tahu kerana ia mewakili 22.6% Peratusan yang mewakili 7 orang. Ini menunjukkan ramai dalam kalangan responden yang tidak mahir fiqh haji dan umrah, Mungkin mereka belum ada pengalaman menunaikan haji dan umrah.

### ***Bahagian D: Pandangan Umum Guru Terhadap Pengetahuan Berkaitan Haid Dan Istihadhah Di Sekolah Rendah***

Daripada 3 orang responden yang mencadangkan agar tajuk khusus berkaitan haid dan istihadhah dilaksanakan seawal sekolah rendah kerana ia memberi kesan kepada ibadah seorang Wanita islam yang telah baligh. Pandangan ini disokong juga oleh kajian yang mengatakan langkah mewujudkan pendidikan asas darah wanita dalam silibus pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar tahun 3 adalah signifikan Siti Fatimah Salleh, Kasimah Kamaruddin, Lukman Abdul Mutalib, (2021) Namun begitu ianya perlu diajar dengan menggunakan aplikasi dan pendekatan terkini dan menggunakan aplikasi ICT, agar dapat menarik minat murid dan pelajar seawal sekolah rendah. Pendekatan didik libur dan permainan seperti monopoli islami boleh dijadikan kaedah dan metod penyampaian dengan harapan agar murid tidak merasakan ilmu ini sukar dipelajari. Menurut Dinc (2019), apabila mengadaptasikan teknologi dalam pengajaran, sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih bermakna jika jenis teknologi disesuaikan dengan persekitaran pembelajaran. Phang Iywon & Mohd Nasri, (2020)

### **Hala Tuju Kajian Dan Cadangan Penambahbaikan**

#### ***Menyediakan Satu Kurikulum Khusus Bagi Tajuk Haid Dan Istihadhah***

Melalui dapatan fakta kajian ini, terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan dalam penambahbaikan kajian haid dan istihadhah seperti berikut. Cadangannya adalah menyediakan satu kurikulum khusus bagi tajuk haid dan istihadhah yang mengandungi intipati serta isu-isu penting berkaitan fiqh wanita yang perlu didedahkan kepada masyarakat secara umumnya dan pelajar secara khususnya di sekolah rendah kerana bak kata pepatah Melayu, sekiranya kita



ingin melentur buluh biarlah dari rebungunya. Pengkaji mencadangkan agar guru-guru dan semua yang terlibat dalam institusi pendidikan khususnya dalam bidang Pendidikan Islam walaupun hanya mengajar di sekolah rendah agar dapat memantapkan ilmu berkaitan fiqh thaharah khususnya berkaitan dengan darah-darah wanita agar dapat membantu menyelesaikan kekeliruan yang timbul. Siti Fatimah Salleh (2019) memerlukan pendidikan darah wanita seawal usia 9 tahun, memandangkan usia 9 tahun adalah usia yang sesuai untuk didedahkan dengan ilmu darah wanita. Usia haid perempuan adalah usia paling awal. haid menurut Mazhab Syafie. (Khairul Muttaqin, 2019)

### ***Memberi Impak Positif kepada Jabatan Agama Islam Negeri***

Dapatan kajian ini diharap dapat memberi kesan positif kepada Wanita Islam di Kuching kursus dan Di Sarawak lainnya. Diharap pihak berwajib dapat merangka kurikulum Pendidikan darah Wanita dalam kursus perkahwinan akan datang.

### ***Program Latihan Dipeluaskan Kepada Para Tenaga Pengajar dan Masyarakat Melalui Latihan Dalam Perkhidmatan, Ceramah, Seminar, Forum atau Program.***

Tidak berhenti di sekolah rendah dan murid sahaja, pendedahan perlu diteruskan dengan memperbanyakkan program latihan dan pendedahan kepada para tenaga pengajar melalui latihan dalam perkhidmatan, ceramah, seminar atau program berkaitan yang dapat menambah pengetahuan dan maklumat tentang isu dan perihal fiqh wanita. Program ini sedikit sebanyak akan dimanfaatkan oleh para-Guru Islam dan masyarakat tentang isu terkini berkaitan isu darah wanita. Berdasarkan hasil kajian ini pengkaji beranggapan responden masih tidak yakin ibadah mereka terutama pada bab haji dan umrah apabila didapati masih ada yang tidak yakin dalam ibadah berniat umrah, tawaf, saie, wukuf di Arafah dan melontar jamrah pada hari 11, 12 dan 13 Zulhijjah iaitu Hari Tasyrik. Menurut Mohd, Jamalluddin Hashim, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuddin, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, & Hannan Fatini Md Reshad, (2020) menjelaskan bahawa terdapat satu bab kursus iaitu Bab 4 yang memperkenalkan "Permasalahan Darah Wanita dan Solat di Tanah Suci" diajar kepada bakal Jemaah haji dalam metod kursus asas haji. Ia dibahagikan kepada 7 bahagian iaitu pertama berkenaan Haid yang meliputi pengenalan, dalil hadis, hikmah haid, hukum berkaitan haid, tempoh haid, ciri-ciri darah haid, fatrah al- Naqa' dalam Ibadat Haji dan Umrah, masalah dan Kaedah Penentuan Solat bagi Wanita Haid, Perkara yang dibolehkan semasa wanita berhaid dalam ibadat haji atau umrah, isu-isu haid yang berkaitan ibadat Haji atau Umrah dan niat bersyarat.

Dapatan kajian menunjukkan peratus yang agak membimbangkan apabila kedapatan responden yang menyatakan bahawa ketika haid boleh melakukan ibadah tawaf di Baitullah. Sebagai pencerahan, bagi Mazhab Syafie mengharamkan untuk tawaf ketika berada dalam keadaan haid. Namun bagi kes tertentu, pakar rujuk haji dan umrah mengambil pendekatan beralih kepada pandangan Mazhab Hanafi iaitu boleh melakukan tawaf dalam haid dan beristighfar kepada Allah kerana melakukan dosa masuk ke dalam Masjidil Haram ketika haid. Menurut Anisah Abdul Ghani (2014), seorang yang haid yang memasuki Masjidil Haram dikehendaki membayar dam seekor unta. Hajinya juga dianggap selesai.

### ***Penggunaan Media Sosial Seperti Facebook, Telegram, Whatsapp Dan Tik Talk Dalam Penyaluran Ilmu Berkaitan Darah Wanita.***

Selain itu, turut dicadangkan juga agar ada pihak yang membangunkan satu aplikasi bagi perisian dalam Playstore atau iCloud yang mudah di muat naik dalam telefon pintar. Semoga dengan adanya alat kiraan seperti ini ianya dapat menambahkan kefahaman pengguna dan dan menjadi kemudahan pengguna Islam yang patuh syariah serta memberi impak yang positif

dalam kemahiran umat Islam di Malaysia khususnya dan di dunia secara amnya. Dengan itu, maka Islam dan negara kita akan disegani bukan setakat di tanah air tetapi juga di seluruh dunia. Menurut Phang Iywon & Mohd Nasri, (2020) secara fakta, penggunaan ICT juga dianggap sebagai salah satu tanda kelayakan bagi warga pedidik, guru dan penyelidik dalam dunia Pendidikan

### ***Mencipta Alat Mengenalpasti Warna Darah Haid Dan Istihadhah Yang Ringkas Dan Mesra Pengguna***

Sebagai inisiatif untuk menyelesaikan masalah kiraan tempoh haid dan tempoh suci, disarankan kepada masyarakat dan ahli pakar untuk menghasilkan satu alat kiraan mudah bagi membantu menyelesaikan kekeliruan dalam pengiraan tempoh haid dan tempoh suci seperti yang sudah berada di pasaran iaitu alat pengesan kehamilan. Ini digunakan untuk mengesan haid, suci, istihadhah dan hamil sekaligus. Apabila alat pengesan seperti ini telah wujud ia sedikit sebanyak mampu mengatasi masalah kekeliruan yang dihadapi oleh kaum wanita terutama wanita Islam tentang kedatangan haid atau pun istihadhah.

### ***Kitab Kitab Fiqh Diterjemah Ke Dalam Bahasa Melayu Rasmi***

Melihat kepada kajian ini ,penulis mengharapkan semoga pada masa kini dan akan datang lahir lebih ramai lagi para cerdik pandai dan ilmuan fiqh terutama sekali pakar dalam fiqh wanita yang menterjemahkan kitab kitab fiqh Mazhab Syafie dalam bahasa melayu rasmi di Malaysia .Selain itu semoga lebih ramai lagi pakar fiqh wanita yang terdiri daripada kalangan wanita sendiri Ini bagi memudahkan para wanita di Malaysia merujuk permasalahana darah wanita kerana kadang kala mereka agak terbelakang dan segan untuk merujuk isu ini jika bertanya persoalan kepada para tuan guru dan para ustaz.

### **Kesimpulan**

Marilah kita sama sama belajar dan mendalami ilmu ini. Haid adalah darah kotor yang mengalir dari rahim. Jika seorang wanita sedang mengalami haid, dia memiliki hukum tersendiri untuk ibadahnya dan hubungannya dengan suaminya, yang sangat berbeza dengan wanita suci. Ketika setiap wanita mengalami haid dia wajib mempelajari tempoh kebiasaan haid nya. Berbeza dengan istihadhah, istihadhah dikatakan aliran darah normal karena suatu penyakit, biasanya alirannya terus menerus atau terhenti tetapi alirannya singkat karena pecahnya urat. Hukumnya berbeza dengan haid. Oleh karena itu, wanita juga perlu mengetahui tentang istihadhah, meskipun keluarnya darah ini hanya terjadi pada beberapa wanita yang memiliki masalah tertentu, karena itu merupakan ketetapan bagi anak Adam yang bernama wanita. Maqasid syariat dalam menjaga jiwa dan generasi yang akan datang, dan membuktikan bahwa Islam memberikan hikmah dengan memberi kerehatan kepada sesorang wanita haid yang telah biasa mengalami gejala pra haid.

### **Rujukan**

Abdul Ghani, A. (2014). *Darah Wanita :Pandangan Ulama dan Pakar Perubatan*. Kuala Lumpur,Malaysia: Telaga Biru Sdn.Bhd.

Arif, M. (2021). *Haid Dan Istihadah Menurut Mazhab Syafie : Kefahamannya Di Kalangan Pelajar Darul Quran Wal Hadith As Sofa Ampang*.  
<https://doi.org/10.13140/RG.2.2.33784.57603>

Dr Wahbah Zuhaili, & Abdul Hayyyie al Kattani, D. (2018). Tafsir alMunir. In M. B. H. Achmad Yazid Ichsan (Ed.), *Haid dan Hukum nya* (Cetakan 1, pp. 511–512).

Hajar Huwaida. (2010). *Ketentuan Darah Haid dan Istihadhah Oleh : Hajar Huwaida I*. 1–11.

- Ibrahim, B. B. I. N. (2016). Amalan Pengurusan Bersuci Darah-Darah Wanita Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 13(2), 87–104.
- Khairul Muttaqin. (2019). Haid dalam Perspektif Islam dan Sains Studi tentang Haid Tidak Teratur Pengguna Kontrasepsi. *Islamuna: Jurnal Studi Islam*, 6(2), 169–187. <https://doi.org/10.19105/islamuna.v6i2.2415>
- King Cahaya Islam. (2020). Fase Pendidikan Anak Menurut Al Quran (Vol. 5).
- Mahadi, S. A., Yusof, W., & Chik, W. (2018). Pengurusan Istihadah Menurut Fiqh Islam Dan Perubatan. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 110–124.
- Md. Reshad, H. F., & Ismail, S. K. (2020). Analisis Sorotan Literatur bagi Kajian Darah Wanita. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 227–234. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.474>
- Mohd, H., Jamalluddin Hashim, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, & Hannan Fatini Md Reshad. (2020). Metode Bimbingan Lembaga Tabung Haji Terhadap Jemaah Haji Malaysia: Satu Penilaian Awal. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 55–67. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.1.397>
- Muhammad Khatib Asy-Syarbaini. (2015). *Kitab Mughni Muhtaj* (1st ed.). Mesir: Al Tawfikiya Bookshop.
- Mustafida, & Hosna, R. (2021). Pengaruh Internalisasi Nilai Keagamaan Pada Kitab Risalah Al-Mahid Terhadap Pemahaman Fiqih Wanita Santri Putri Pondok Pesantren Fathul Ulum Jombang. *Jurnal Penelitian Tarbawi: Pendidikan Islam Dan Isu-Isu Sosial*, 6(2), 1–6.
- Nazirah Hamdan. (2017). *Komponen Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Rendah di Johor*.
- Noraini Ismail, C. L. I., Siti Fatimah Sudin, S. I., Bakri, R., Islam, A. P., & Kontemporari. (2016). *Kefahaman Pelajar Terhadap Fiqh Taharah (Permasalahan Darah Wanita) : Tinjauan di UITM Cawangan Perlis*. 260–269. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Nur Asmadayana Hasim, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Rizafizah Othman, Moohd Zaini Yahya, R. K. & M. A. S. (2016). Haid daripada Perspektif Sains dan Maqasid Syariah. *Sains Malaysiana*, 45(12), 1879–1885.
- Phang Iywon, V., & Mohd Nasri, N. (2020). Tahap Kesediaan Dan Sokongan Bagi Pelaksanaan Pendekatan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(4)(December 2020), 489–508.
- Siti Fajorah. (2015). *Studi Analisis Pemahaman Materi Haid dan Istihadah Pada Siswi Kelas VIII MTS Al-Hadi GiriKusuma Kecamatan Mranggen Kabupaten Demak MTS Demak Tajuk Ajaran 2014/2015*. Keguruan (UIN) Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang program studi Pendidikan Agama Islam.
- Siti Fatimah Salleh, Zurita Mohd usuf, S. K. B. I. N. B. N., & Ali, T. F. M. B. T. M. R. B. M. (2020). Analisis Pendidikan Darah Wanita Dalam Kurikulum Rendah dan Menengah di Malaysia. *Jurnal TAMADDUN*, XXI, 145–160.
- Siti Fatimah Salleh, Kasimah Kamaruddin, Lukman Abdul Mutalib, R. S. S. A. (2021). Analisis Pendidikan Darah Wanita Dalam Kurikulum Rendah Di Kalangan Guru Pendidikan Islam. *Malaysia Journal For Islamic Studies*, 5(1), 78–89.
- Tawang, N. K., Ibrahim, B., & Daud, N. (2016). Amalan Pengurusan Kebersihan Darah-darah Wanita Menurut Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*.
- Wan Hasan, S. N. (2015). *Pengajaran Pendidikan Hak Wanita Islam di Institut Pendidikan Guru di Malaysia* (Vol. 53).